

DS 3.2: Penyediaan Kemudahan Kesihatan Desa

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Memastikan tahap kesihatan masyarakat desa akan terjaga dan berada dalam keadaan yang baik.
- Menyediakan kemudahan kesihatan yang lengkap bagi memastikan kesihatan dan keperluan masyarakat desa.
- Memberikan pendedahan kesihatan secara menyeluruh kepada masyarakat desa untuk mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.

Komponen Cadangan:

- Menaik taraf Kemudahan Kesihatan untuk memberikan keselesaan penduduk desa.
- Menambahkan bilangan penyediaan Kemudahan Kesihatan yang dapat membantu masyarakat desa mencapai satu taraf kesihatan yang baik agar dapat meneruskan perjalanan kehidupan ekonomi dan sosial yang lebih produktif.

Kaedah Pelaksanaan:

- Program Bimbingan Kesihatan Bersepadu kepada masyarakat desa untuk mempraktikkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.
- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta.

CADANGAN LOKASI

Cadangan menaik taraf dan program yang melibatkan Program-Program Kesihatan (rujuk Jadual 5.26)

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah • BPENJ 	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah • Pihak Berkuasa Tempatan • Kementerian Kesihatan Malaysia

ANGGARAN KOS

- Kos Program Kesihatan = RM 50,000 (per cadangan Program Kesihatan)

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 300,000




Foto: Klinik Kesihatan Paloh, Paloh, Kluang



Foto: Klinik Desa, Minyak Beku, Batu Pahat

Penemuan Strategik

Klinik Desa

Batu Pahat – 43 buah
Kluang – 16 buah
Mersing – 6 buah

Klinik Kesihatan

Batu Pahat – 11 buah
Kluang – 7 buah
Mersing – 5 buah



Penyediaan kemudahan kesihatan lebih tertumpu di Daerah Batu Pahat. Hal ini disebabkan jumlah populasi yang tinggi dan permintaan penyediaan kemudahan kesihatan di kawasan tersebut. Penyediaan Kemudahan Kesihatan di kawasan desa sangat penting bagi memastikan tahap kesihatan masyarakat desa dalam keadaan yang baik dan dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi untuk menampung kawasan-kawasan sekitar.



Foto: Klinik Desa Batu 4 1/2 Paloh, Kluang



Foto: Klinik Desa Minyak Beku, Batu Pahat



Foto: Klinik Desa Parit Warijo, Batu Pahat



Foto: Klinik Kesihatan Paloh, Kluang

Cadangan

Cadangan bagi Kemudahan Kesihatan di Johor Tengah melibatkan menaik taraf Klinik Kesihatan. Klinik Kesihatan yang terlibat adalah Klinik Kesihatan Tenggaroh yang perlu dinaik taraf untuk memberikan tahap perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada masyarakat desa.

Jadual 5.26: Cadangan Menaik Taraf Kemudahan Kesihatan

Daerah	Mukim	Nama Kampung
Mersing	Tenggaroh	FELDA Tenggaroh - Naik Taraf Klinik Kesihatan Tenggaroh

Sumber: *Draf Rancangan Tempatan Daerah Mersing 2030*



Ilustrasi: Klinik Kesihatan Tenggaroh

Program Komuniti Sihat

Program Kesihatan di desa sangat berperanan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesihatan dan kebersihan kawasan kediaman serta kampung.

Program ini juga boleh dijalankan dengan beberapa aktiviti lain seperti gotong-royong dan lain-lain lagi dengan kerjasama inisiatif daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, JPKK dan masyarakat desa.

1

Inisiatif "Komuniti Sihat, Perkasa Negara" (KOSPEN) kerjasama antara KKM dan KEMAS

2

Pemeriksaan Kesihatan Masyarakat Desa

3

Program Perangi Aedes

4

Program Pemakanan Kurang Zat (PPKZ) dalam kalangan anak Orang Asli bagi mengatasi masalah kekurangan nutrisi makanan.


5

Program Kesedaran Covid-19 dan Kempen Pembudayaan Norma Baharu



Program ini melibatkan masyarakat desa secara sukarela untuk menjalani pemeriksaan fizikal, ujian darah, pemeriksaan mata dan tekak, pemeriksaan kandungan kolestrol dan gula dalam badan yang dikendalikan doktor pakar dan kakitangan perubatan.

Rajah 5.15: Kemudahan Kesihatan Daerah Batu Pahat




PETUNJUK:








- + Kawasan Kesihatan
- + Kawasan Desa
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuhraya
- Laluan Kereta Api
- Laut

- 1.0 PENGENKALAN
- 2.0 PROFIL DESA
- 3.0 HALA TUJU
- 4.0 DESA MAMPUASAN
- 5.0 DESA SEJAHTERA
- 6.0 DESA PRIHATIN
- 7.0 DESA MAMPAK
- 8.0 DESA PINTAR
- 9.0 PENGURUSAN


Rajah 5.16: Kemudahan Kesihatan Daerah Kluang










PETUNJUK:

- | | |
|---|---|
|  Kawasan Kesihatan |  Sempadan Daerah |
|  Kawasan Desa |  Jalan Raya |
| |  Lebuhraya |
| |  Laluan Kereta Api |
| |  Laut |

Rajah 5.17: Kemudahan Kesihatan Daerah Kluang



PETUNJUK:

- | | | | |
|---|-------------------|---|-------------------|
|  | Kawasan Kesihatan |  | Sempadan Daerah |
|  | Kawasan Desa |  | Jalan Raya |
| | |  | Lebuh Raya |
| | |  | Laluan Kereta Api |
| | |  | Laut |